

SOALAN NO : 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF B. ABDUL RAHMAN
(KUALA KRAI)**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan program Tahfiz di Penjara Kluang dan Penjara Marang dan adakah pihak Kementerian bercadang menjadikan banduan yang hafal Al-Quran akan mendapat pengampunan atau parol dalam hukuman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia amat menitikberatkan program pemulihan yang diberikan kepada penghuni penjara. Antaranya adalah melalui pendekatan agama yang merupakan salah satu elemen penting dalam pembentukan penghuni yang mampan rohani dan fizikal. Pendidikan agama dilaksanakan kepada para penghuni berdasarkan Peraturan-Peraturan Penjara 2000 Peraturan 147 Pendidikan Agama, yang menyatakan:

Pegawai Yang Menjaga hendaklah membuat perkiraan untuk mengadakan pendidikan agama atau moral bagi banduan di bawah jagaannya oleh orang yang berikut:

- (a) pegawai penjara yang berkelayakan menjadi guru agama;

SOALAN NO : 13

- (b) berkenaan dengan banduan yang beragama Islam, mana-mana orang yang diberikan "tauliah" di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pentadbiran agama Islam.

Dalam pembelajaran keagamaan kepada penghuni di penjara, Modul Halaqah dijadikan asas dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi Akidah, Fekah, Akhlak, Hadis dan Al-Quran. Pembelajaran Al-Quran dalam Modul Halaqah telah dikembangkan melalui program 3T iaitu Talaqqi (pembelajaran Al-Quran di peringkat asas menggunakan kaedah Iqra'), Tadarus (melancarkan pembacaan Al-Quran serta mampu mengenali hukum-hukum tajwid) dan Tahfiz (menghafaz ayat-ayat lazim, surah-surah pilihan serta juz 1-6 jika berkemampuan). Program ini dilaksanakan di seluruh institusi penjara seluruh Malaysia.

Daripada program tahfiz ini telah dikembangkan kepada program persijilan iaitu Sijil Pengurusan Masjid (SLDN tahap 3). Sijil Pengurusan Masjid merupakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan kerjasama antara Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Penghuni yang melepassi syarat-syarat yang telah ditetapkan, layak untuk mengikuti program berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard*).

Pada masa ini, pelaksanaan Sijil Pengurusan Masjid (SLDN tahap 3) telah dijalankan mengikut zon iaitu Penjara Kluang di Zon Selatan, Penjara Marang di Zon Timur, Penjara Tapah di Zon Tengah dan Penjara Pokok Sena di Zon Utara. Bagi Penjara Kluang, program berkenaan telah bermula sejak tahun 2017/2018 bagi sesi pertama, di mana seramai 5 orang penghuni (perantis) telah berjaya mendapat SLDN tahap 3. Manakala sesi kedua iaitu 2018/2019, 5 orang perantis telah berjaya mendapat SLDN tahap 3. Bagi sesi tahun 2020/2021, program ini masih berjalan.

Di institusi Penjara Marang pula, sesi pertama telah bermula pada tahun 2018/2019, di mana seramai 5 orang perantis berjaya mendapat SLDN tahap 3 manakala bagi sesi kedua iaitu tahun 2019/2020 seramai 6 orang berjaya mendapat SLDN tahap 3.

SOALAN NO : 13

Pemilihan perantis adalah hanya seramai 5 hingga 6 orang bagi setiap sesi kerana ianya melibatkan peruntukan daripada JPK dan kesediaan penghuni untuk menghafaz 10 juz Al-Quran bagi melayakkan mereka memperolehi Sijil Pengurusan Masjid SLDN tahap 3. Pada masa ini, di Penjara Kluang, terdapat seramai 5 orang tenaga pengajar terdiri daripada 1 Pegawai Hal Ehwal Islam (Kader JAKIM) dan 4 guru dari Jabatan Agama Islam Johor. Manakala di Penjara Marang, tenaga pengajarnya terdiri daripada seorang Pegawai Hal Ehwal Islam (Kader JAKIM) dengan dibantu oleh seorang pembantu guru agama.

Bagi penghuni yang berjaya mendapat sijil berkenaan beliau akan dijadikan tenaga pengajar sokongan kepada banduan lain bagi pengajaran Al-Quran di institusi terlibat. Keberkesanan program pemulihan adalah kesinambungan kepada kelestarian penjara secara keseluruhannya. Justeru itu, gabungan semua pihak terutama masyarakat agar dapat menerima dan memberi peluang kepada golongan ini menyumbang tenaga dan kemahiran dalam bidang agama seperti masjid dan surau tempat mengaji Al-Quran dan sebagainya, amat diharapkan.

Jabatan Penjara Malaysia akan sentiasa mengambil berat elemen perubahan positif banduan dalam membuat pertimbangan bagi seseorang banduan mendapat pengampunan dan parol berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.